

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI  
DI MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SASTERA  
UTUSAN MELAYU-PUBLIC BANK 1987  
DI HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR  
PADA HARI KHAMIS, 3HB. MAC, 1988  
PUKUL 9.00 PAGI

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

(2) Yang Berbahagia

Dato' Khalid bin Haji Abdullah, + Hjh.  
Pengerusi Eksekutif  
Utusan Melayu Berhad;

(1) Yang Berbahagia

Tan Sri Dato' Teh Hong Piaw,  
Presiden Public Bank Berhad;

(3) YB. Senator Dr. Noordin Selat

(4) YB. En. Zainuddin Nordin

Dif-Dif Kehormat;

Puan-puan dan Tuan-tuan.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Utusan Melayu (M) Berhad dan Public Bank Berhad kerana sudi menjemput saya ke Majlis Penyampaian Hadiah Sastera kali ketiga pada pagi ini.

2. Saya berasa gembira kerana mendapat peluang bertemu dengan puan-puan dan tuan-tuan terutamanya para penulis sekalian, khususnya mereka yang datang dari luar Kuala Lumpur. Semoga dengan pertemuan di Majlis yang meriah ini dapat kita mengeratkan lagi tali silaturrahim antara kita semua.

...Para/-

Para hadirin sekalian,

3. Semenjak Hadiah Sastera ini diadakan pada tahun 1985, ia telah mendapat sambutan yang hangat daripada para penulis termasuk penulis-penulis bukan Melayu yang berminat dalam kesusasteraan Melayu. Hadiah ini juga telah berjaya mengenengahkan ramai bakat-bakat baru dalam penulisan cerpen dan sajak. Bakat-bakat baru ini jika mendapat galakan dan asuhan yang terus menerus sudah tentu akan muncul sebagai penulis yang berjaya pada masa-masa yang akan datang.

4. Saya percaya di antara pemenang-pemenang Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank hari ini sudah tentu ada yang menyimpan cita-cita

**...untuk/-**

untuk menjadi penulis cerpen atau sajak yang terkemuka pada suatu hari nanti. Mungkin ada yang bercita-cita untuk menjadi terkenal seperti Kris Mas, Usman Awang, A. Samad Said, atau lain-lain penulis kita yang sudah berjaya menempah nama, baik di dalam atau di luar negeri.

5. Untuk menjadi penulis atau pengarang terkenal bukanlah mudah. Ia bukan boleh dibeli dengan wang ringgit. Seseorang penulis menjadi terkenal dengan karyanya. Karya yang bermutu akan diperkatakan orang dan menjadi bahan kajian zaman berzaman. Jadi, untuk menjadi terkenal seseorang penulis mesti melahirkan karya-karya yang bermutu tinggi. Ia memerlukan ketekunan dan

...kesungguhan/-

kesungguhan dalam berkarya. Tidak ada gunanya kita melahirkan beratus-ratus buah cerpen atau beribu-ribu buah sajak dalam masa yang singkat tetapi karya-karya kita itu tidak diendahkan orang dan tidak menjadi bahan ulasan oleh pengkritik-pengkritik sastera. Yang perlu kita utamakan ialah mutunya, bukan jumlahnya.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

6. Seseorang yang ingin menjadi penulis haruslah melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan. Bukan hanya mempelajari ilmu-ilmu yang berkaitan dengan dunia kesusasteraan semata-mata tetapi ilmu-ilmu yang lain termasuk aspek-aspek psikologi,

...sosiologi/-

sosiologi dan juga hal-hal yang berkaitan dengan sains dan teknologi.

7. Seseorang penulis juga mesti sanggup membuat kajian dan penyelidikan sesuatu subjek yang hendak menjadi fokus tulisannya. Sastera bukanlah kerja angan-angan tetapi dunia nyata yang dipindahkan ke alam prosa atau puisi oleh penulis-penulis yang sememangnya dianugerahkan bakat oleh Tuhan. Kebolehan mengarang datangnya daripada kebolehan seseorang itu dan juga daripada bakat semulajadi.

8. Seseorang penulis juga adalah seorang pencari. Seorang pencari tidak akan berhenti mencari selagi hayatnya masih ada. Oleh

...kerana/-

kerana penulis atau pengarang itu jiwanya pencari, yang terus menerus mencari jawapan atas beraneka bentuk pertanyaan, baik yang bersangkutan dengan jiwa manusia, mahupun masyarakat dan Ketuhanan, maka tidak mungkin ia akan menanggukhan sesuatu yang menjadi panggilan hatinya.

Puan-puan dan Tuan-tuan

9. Di sebalik kesengsaraan hidup, kadangkala pengarang menemui mutiara-mutiara hidup yang paling bermakna untuk digarap menjadi cerpen, sajak atau novel, Victor Hugo umpamanya, banyak mengalami bencana dalam kehidupannya, tetapi mengolah pengalaman-pengalamannya itu untuk melahirkan

...kisah-kisah/-

kisah-kisah yang menarik, termasuk kisah 'Orang-orang yang malang', dalam ciptaan-ciptaannya itu.

10. Gelora hidup remaja juga boleh memberikan idea kepada seseorang penulis. Mungkin dalam zaman remaja ini aneka kisah, pahit atau manis, terpaksa ditempuhi oleh seseorang. Pengalaman-pengalaman ini boleh dikumpul dan diadun menjadi bahan yang menarik jika kita sentiasa peka terhadap sesuatu yang berlaku.

11. Penyair W.B.Yeats yang hidup antara 1865 -1939, umpamanya, dalam usia yang masih muda berjaya menerbitkan kumpulan sajaknya yang bermutu dan sajak-sajaknya itu kian lama

...bertambah/-

bertambah tinggi mutunya sehingga dalam kesusasteraan Inggeris, ia menduduki tempat yang paling tinggi. Sajak-sajaknya sering diperkatakan dan menjadi bahan diskusi sampai sekarang, walaupun ia telah lama meninggal dunia.

12. Saya percaya di negara kita pun ramai penulis berbakat dan mempunyai kebolehan yang setaraf dengan penulis-penulis di negara-negara asing. Apa yang ingin saya nasihatkan ialah supaya penulis-penulis kita, terutama mereka yang baru menceburkan diri dalam dunia penulisan supaya memikirkan mutu dalam setiap karya yang dihasilkan. Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank yang diadakan ini pun bertujuan supaya para

...penulis/-

penulis lebih serius menulis dan memikirkan mutu, sebelum menghantarkan karya masing-masing untuk siaran.

13. Saya percaya penerbit-penerbit akhbar dan majalah sememangnya mengutamakan karya-karya bermutu dalam penilaian mereka untuk disiarkan dalam media masing-masing. Saya yakin dengan adanya hadiah ini sudah tentulah para penulis tidak lagi menulis sebarangan untuk disiarkan di akhbar-akhbar atau majalah-majalah.

Para hadirin sekalian,

14. Karya-karya yang menang Hadiah Sastera ini telah dibukukan dalam dua buah antologi

...yang/-

yang akan dilancarkan sebentar lagi. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Utusan Melayu dan Public Bank di atas usaha gigih mereka menerbitkan dua buah antologi tersebut dan di atas kejayaan mereka mengadakan Hadiah Sastera yang sangat besar ertinya dalam usaha kita untuk memajukan kesusasteraan berbahasa Malaysia di negara kita.

15. Dengan adanya kerjasama di antara kedua-dua badan berpengaruh ini, kita berharap ia akan berjaya menimbulkan satu suasana baru yang lebih meriah dalam dunia kesusasteraan kita. Kepada yang memenangi hadiah ini, saya ucapkan tahniah dan syabas.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

